JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Garis Panduan Kemasukan Pelatih Antarabangsa Ke Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

1. LATAR BELAKANG

Kerajaan Malaysia telah bersetuju membenarkan kemasukan pelatih antarabangsa berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021. Perkara ini telah diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan dalam sidang media pada 22 Disember 2020. Kemasukan pelatih antarabangsa ini turut terpakai kepada pelatih antarabangsa yang mengikuti latihan di Pusat Bertauliah (PB) di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia yang telah diberi kebenaran bagi membuat pengambilan pelatih antarabangsa.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan panduan kemasukan pelatih antarabangsa yang berada di luar Malaysia bagi mengikuti latihan di PB di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Kemahiran yang telah diberi kebenaran bagi membuat pengambilan pelatih antarabangsa semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Panduan ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada semua PB yang berkenaan bagi perkara-perkara berikut:

2.1 *Standard operating procedures* (SOP) bagi kemasukan pelatih antarabangsa baharu dan sedia ada ke PB;

2.2 Tanggungjawab PB berhubung pengurusan pelatih antarabangsa baharu dan sedia ada ke PB;dan

2.3 Tanggungjawab pelatih antarabangsa baharu dan sedia ada yang akan mengikuti latihan kemahiran di PB.

Panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan semua peraturan serta panduan lain yang sedang berkuatkuasa, seperti berikut:

i. Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;
ii. Panduan Pentauliahan Program dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Pentauliahan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia – Pensijilan Program Tahap Tunggal;
iii. Panduan dan Syarat Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Pelatih Antarabangsa Dalam Negara (Pindaan September 2015)
iv. Panduan dan Peraturan-peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia - Sistem Penilaian; dan
v. Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj)

3. TAFSIRAN

Melainkan tafsiran yang telah dinyatakan dalam panduan-panduan yang sedang berkuatkuasa, tafsiran berikut adalah terpakai bagi tujuan garis panduan ini:

3.1 Pelatih antarabangsa baharu:

Pelatih antarabangsa baharu adalah merujuk kepada pelatih antarabangsa yang telah mendapat tawaran untuk mengikuti latihan di PB namun masih berada di luar negara dan terbahagi kepada dua (2) ketegori iaitu:

i. Pelatih yang telah mendapat *Visa Approval Letter* (eVAL) tetapi tamat tempoh sah laku disebabkan pelaksanaan PKP.
ii. Pelatih yang telah menghantar permohonan eVAL tetapi belum mendapat kelulusan.

3.2 Pelatih antarabangsa sedia ada:

Pelatih antarabangsa sedia ada adalah pelatih yang telah mendapat tawaran di PB dan sedang menjalani latihan. Walaubagaimanapun, pelatih berkenaan ketika ini berada di negara asal dan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu :

i. Pelatih sedia ada yang memiliki Pas Pelajar tetapi tidak boleh memasuki Malaysia untuk meneruskan latihan kerana penutupan sempadan.

ii. Pelatih sedia ada yang mempunyai Pas Pelajar tetapi tamat tempoh mulai 1 Februari 2020 dan berhasrat untuk memperbaharui pas pelajar tetapi tidak boleh memasuki Malaysia kerana penutupan sempadan.

4. KELULUSAN PENGAMBILAN PELATIH ANTARABANGSA

4.1 PB perlu memastikan surat perakuan Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih sah laku bagi tujuan pengambilan pelatih antarabangsa baharu.

4.2 Bagi kelulusan eVAL yang telah tamat dalam tempoh PKP, permohonan pelanjutan eVAL boleh dipertimbangkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

5. *STANDARD OPERATING PROCEDURES* (SOP) UNTUK KEMASUKAN PELATIH ANTARABANGSA KE MALAYSIA

5.1 SEBELUM KETIBAAN

5.1.1 PELATIH ANTARABANGSA BAHARU

5.1.1.1 PB hendaklah mengemukakan permohonan Surat Kelulusan *Visa Approval Letter* (eVAL) yang lengkap melalui aplikasi STARS yang disediakan oleh *Education Malaysia Global Services* (EMGS).

5.1.1.2 PB diwajibkan untuk membuat perakuan bagi penginapan (*Declaration Of Accommodation*) dengan memuat turun borang melalui aplikasi STARS.

5.1.1.3 Bagi permohonan eVAL yang diluluskan oleh JIM, surat kebenaran masuk ke Malaysia (*Travel Authorization*) akan dikeluarkan secara bersekali dengan eVaL. Surat kebenaran masuk ke Malaysia dan eVAL yang telah diluluskan boleh dimuat turun melalui laman sesawang (www.educationmalaysia.gov.my)

5.1.1.4 Pelatih daripada negara-negara yang memerlukan Single-Entry Visa (SEV) untuk memasuki Malaysia perlu mengemukakan

permohonan SEV kepada Pejabat Perwakilan Malaysia (MALAWAKIL) yang terdekat.

5.1.1.5 Pelatih hendaklah menjalani ujian saringan COVID-19 (RT-PCR) tiga (3) hari sebelum memulakan perjalanan ke Malaysia. Sekiranya keputusan ujian saringan bukan menggunakan Bahasa Inggeris, keputusan tersebut hendaklah diterjemah kepada Bahasa Inggeris dan disahkan oleh badan penterjemah yang sah di negara masing-masing.

5.1.1.6 Pelatih hendaklah membuat bayaran bagi kuarantin dan ujian saringan COVID-19 secara dalam talian melalui *MySafe Travel* (www.safetravel.myeg.com.my) atau MyQR oleh MyEG (www.myeg.gov.my). Slip bukti pembayaran hendaklah diserahkan semasa ketibaan di pintu masuk antarabangsa Malaysia di KLIA atau KLIA2 .

5.1.1.7 Pelatih hendaklah memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi *MySejahtera* yang boleh dimuat turun melalui *iOS Apple, Play Store* atau *Huawei App Gallery*. Pelatih hendaklah mengemaskini maklumat dalam aplikasi tersebut sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum ketibaan.

5.1.2 PELATIH ANTARABANGSA SEDIA ADA

5.1.2.1 Pelatih sedia ada yang berada di luar negara yang berhasrat memasuki Malaysia perlu mengemukakan permohonan surat kebenaran masuk ke Malaysia (Travel Authorization) melalui laman sesawang EMGS di (https://visa.educationmalaysia.gov.my/guidelines/travel-authorisation-form-base.html). Surat kebenaran masuk ke Malaysia yang telah diluluskan boleh dimuat turun melalui laman sesawang (www.educationmalaysia.gov.my).

5.1.2.2 Pelatih hendaklah menjalani ujian saringan COVID-19 (RT-PCR) tiga (3) hari sebelum memulakan perjalanan ke Malaysia. Sekiranya keputusan ujian saringan bukan menggunakan Bahasa Inggeris, keputusan tersebut hendaklah diterjemah

kepada Bahasa Inggeris dan disahkan oleh badan penterjemah yang sah di negara masing-masing.

5.1.2.3 Pelatih hendaklah membuat bayaran bagi kuarantin dan ujian saringan COVID-19 secara dalam talian melalui *MySafe Travel* (www.safetravel.myeg.com.my) atau MyQR oleh MyEG (www.myeg.gov.my). Slip bukti pembayaran hendaklah diserahkan semasa ketibaan di pintu masuk antarabangsa Malaysia di KLIA atau KLIA2.

5.1.2.4 Pelatih yang didapati telah tamat Pas Pelajar di negara asal hendaklah mendapatkan SEV di Pejabat Perwakilan Malaysia (MALAWAKIL) sebelum memasuki Malaysia (bagi negara-negara yang memerlukan visa untuk masuk).

5.1.2.5 Pelatih hendaklah memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi *MySejahtera* yang boleh dimuat turun melalui *iOS Apple, Play Store* atau *Huawei App Gallery*. Pelatih hendaklah mengemaskini maklumat dalam aplikasi tersebut sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum ketibaan.

5.1.3 TANGGUNGJAWAB PB

5.1.3.1 PB hendaklah membuat saringan kelayakan ke atas pelatih antarabangsa mengikut syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan oleh JPK dan syarat tambahan lain yang ditetapkan oleh PB bagi setiap program/kursus yang ditawarkan;

5.1.3.2 PB hendaklah menyediakan kemudahan penginapan kepada pelatih antarabangsa baharu untuk tempoh yang bersesuaian dengan membuat pengesahan penginapan dalam tatacara yang ditetapkan oleh EMGS; dan

5.1.3.3 PB hendaklah memberi peringatan kepada pelatih untuk mematuhi arahan persediaan yang perlu dilaksanakan sebelum tiba di pintu masuk antarabangsa di Malaysia

5.2 SEMASA KETIBAAN PELATIH ANTARABANGSA BAHARU DAN SEDIA ADA

5.2.1 TANGGUNGJAWAB PELATIH

5.2.1.1 Pelatih antarabangsa hanya dibenarkan masuk ke Malaysia melalui pintu masuk KLIA atau KLIA2.

5.2.1.2 Mengemukakan keputusan ujian saringan COVID-19 (RT-PCR) di pintu masuk KLIA atau KLIA2.

5.2.1.3 Menjalani ujian saringan COVID-19 (RT-PCR) yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di pintu masuk KLIA atau KLIA2 .

5.2.1.4 Menjalani tempoh kuarantin wajib dengan merujuk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

5.2.1.5 Dalam tempoh kuarantin, pelatih adalah tertakluk kepada ujian saringan COVID-19 yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

5.2.1.6 Menjalani ujian saringan COVID-19 (RT-PCR) sebelum dibenarkan keluar dari stesen kuarantin.

5.2.1.7 Pelatih yang telah menamatkan tempoh kuarantin akan diberikan surat pelepasan oleh NADMA.

5.3 SELEPAS KETIBAAN PELATIH ANTARABANGSA BAHARU DAN SEDIA ADA

5.3.1 TANGGUNGJAWAB PELATIH

5.3.1.1 Mengikuti sesi latihan yang telah ditetapkan oleh PB.

5.3.1.2 Mematuhi *standard operating procedures* (SOP) yang ditetapkan oleh JPK, MKN dan KKM semasa berada di dalam dan di luar PB.

5.3.1.3 Melapor kepada PB sekiranya terdapat sebarang isu yang timbul semasa mengikuti sesi latihan.

5.3.2 TANGGUNGJAWAB PB

PB hendaklah menguruskan ketibaan pelatih antarabangsa termasuklah :

i. Mengambil pelatih yang telah mendapat pelepasan kuarantin oleh NADMA selepas tamat tempoh kuarantin yang ditetapkan;

ii. Menguruskan kebenaran merentas negeri (sekiranya berkaitan) mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN);

iii. Memastikan pelatih antarabangsa baharu menjalani saringan kesihatan di klinik yang berdaftar di EMGS dalam tempoh tujuh (7) selepas pelepasan kuarantin;

iv. Memastikan pelatih telah memiliki skim perlindungan insuran yang sah melalui EMGS;

v. PB hendaklah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pelekat pas pelajar kepada JIM negeri masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan.

vi. Menyediakan kemudahan penginapan kepada pelatih antarabangsa sepanjang tempoh latihan.

vii. Memastikan pelatih mengikuti sesi pembelajaran berdasarkan jadual latihan yang telah ditetapkan.

viii. Memastikan keberadaan pelatih semasa memegang pas pelajar di bawah PB masing-masing.

ix. Melaksanakan pemantauan ke atas pelatih dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelatih yang melanggar sebarang arahan yang ditetapkan oleh JPK atau arahan dalaman PB masing-masing.

x. Melaporkan status pelatih antarabangsa sepertimana yang ditetapkan oleh JPK dalam panduan yang sedang berkuatkuasa.

xi. Membuat permohonan *check-out memo* bagi pelatih yang telah tamat atau ditamatkan latihan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh JIM.

6. PENUTUP

PB hendaklah sentiasa mematuhi arahan dan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam menguruskan kemasukan pelatih antarabangsa baharu dan sedia ada ke PB masing-masing. Pematuhan kepada SOP yang ditetapkan oleh JPK, MKN dan KKM adalah penting bagi memastikan penularan COVID-19 dalam kalangan warga PB boleh dicegah dan diambil tindakan segera.

Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan atau SOP terkini berkaitan kemasukan warganegara asing ke Malaysia yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Jun 2021